

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah usaha-usaha dan kejayaan yang telah dicapai oleh pihak Kementerian hasil pengumuman pakej rangsangan ekonomi PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan, PENJANA dan Kita PRIHATIN.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sebagaimana kita semua sedia maklum, pandemik COVID-19 telah memberi impak besar kepada ekonomi global secara keseluruhannya termasuk Malaysia. Kerajaan telah berusaha untuk membendung penularan wabak COVID-19 dan impak kepada sektor ekonomi negara.

2. Bagi menstabilkan ekonomi negara dan membantu majikan yang terkesan dapat mengekalkan pekerja mereka, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif di bawah Pakej PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan, PENJANA dan Kita PRIHATIN.

3. Inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Pertama sekali, Pelaksanaan ***Employment Retention Programme (ERP)***. Sehingga 16 Oktober 2020, PERKESO telah menerima 37,901 permohonan daripada majikan yang melibatkan 340,252 pekerja. Sebanyak RM211.33 juta telah dimanfaatkan oleh para pekerja.
- ii. Program kedua adalah pelaksanaan ***Program Subsidi Upah (PSU)***. Sehingga 16 Oktober 2020, PERKESO telah menerima 331,950 permohonan majikan yang melibatkan 2.7 juta pekerja. Sebanyak RM11.9 bilion telah dimanfaatkan oleh para majikan.
- iii. Seterusnya Program Subsidi Upah 2.0 (PSU 2.0), dari 1 Oktober 2020 sehingga 16 Oktober 2020, PERKESO telah menerima 36,910 permohonan dari majikan dan melibatkan seramai 386,000 pekerja.
- iv. Di bawah ***Program Insentif Pengambilan Pekerja (Hiring Incentive Programme)*** adalah seperti berikut:
 - a) ***Program MyApprentice*** - Seramai **4,433** perantis telah berjaya ditempatkan di bawah program ***MyApprentice***;

SOALAN NO : 9

- b) **Program HireMalaysia** - Seramai **51,020** pekerja berjaya ditempatkan bagi umur bawah 40 tahun ke bawah dan 7,705 orang pekerja bagi 40 tahun ke atas;
- c) **Insentif Pengambilan Pekerja** Tempatan dari golongan **Orang Kurang Upaya (OKU)** dan peserta Program **Return to Work PERKESO**. Seramai **322** Orang Kurang Upaya (OKU) berjaya ditempatkan;
- d) **Bantuan Mobiliti** secara *one-off* kepada pekerja yang berpindah dari lokasi tempat bermastautin ke tempat kerja baharu. Seramai **3,477** orang pekerja telah mendapat faedah melalui Bantuan Mobiliti ini.
- e) **Program latihan** untuk pekerja berdasarkan keperluan majikan. Seramai 7,759 orang pekerja telah mendapat manfaat dari program latihan; dan
- f) Portal **MYFutureJobs** iaitu portal pekerjaan membantu majikan dan pencari kerja mendapatkan pekerjaan. Sejak **MYFutureJobs** diperkenalkan pada 1 Januari 2020 sehingga 23 Oktober 2020, sebanyak **354,297** kekosongan jawatan dan **330,972** pencari kerja telah didaftarkan.

4. Menerusi inisiatif tersebut di atas, Kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar pengangguran dari 5.3% pada bulan Mei 2020 kepada 4.7 % pada bulan Ogos 2020. Keadaan ini juga dapat kita lihat yang mana bilangan kes kehilangan pekerjaan juga turut menunjukkan penurunan setiap bulan iaitu rekod kes kehilangan pekerjaan adalah paling tinggi pada bulan Jun 2020 (18,579 kes) dan menurun setiap bulan. Kes kehilangan pekerjaan sehingga 22 Oktober 2020 adalah 5,879 pekerja.

5. Selain daripada itu, Kerajaan juga telah berjaya untuk mengekalkan 2.7 juta pekerja melalui usaha-usaha tersebut di atas. Sehingga 22 Oktober 2020, seramai 87,499 pencari kerja telah berjaya ditempatkan melalui Karnival PenjanaKerjaya.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Pada 22 Jun 2020 lalu, Kementerian Sumber Manusia melalui **Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)** telah melancarkan **Inisiatif PENJANA HRDF**.

7. Lima (5) skim telah diperkenalkan melalui inisiatif ini yang terdiri daripada *Place & Train*, *B40 Development*, *SME Development*, *Industrial Revolution 4.0* dan Gerak Insan Gemilang (GIG). Skim-skim ini diwujudkan dengan tujuan untuk membantu rakyat dalam mendapat penempatan pekerjaan, *self-employed* serta menambah dan meningkatkan kemahiran mereka.

8. Setakat 16 Oktober 2020, PSMB telah meluluskan sebanyak 35,938 pelatih bagi mengikuti skim-skim yang melibatkan penempatan pekerjaan dan *self-employment* ini.

9. Melalui Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN, PSMB telah menawarkan Pengecualian Bayaran Levi selama enam (6) bulan kepada semua majikan yang berdaftar di bawah Akta PSMB 2001 bermula pada 15 April hingga 15 September 2020. Pakej rangsangan ini akan memberikan manfaat kepada 32,143 majikan dan seterusnya dapat meringankan beban mereka yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19. Levi berjumlah RM480 juta juga tidak dikutip oleh PSMB pada tahun 2020 sebagai bantuan untuk memudahkan aliran kewangan majikan yang terdiri daripada 63 sub-sektor yang meliputi tiga (3) sektor ekonomi utama iaitu Perkilangan, Perkhidmatan dan Perlombongan dan Pengkuarian.

Sekian, terima kasih.